

31 OCT 2003

Uniten-Solar/I

UNITEN MUNCUL JUARA CABARAN BERBASIKAL SOLAR DUNIA

BANGI, 31 Okt (Bernama) -- Universiti Tenaga Nasional (Uniten) mengharumkan nama negara apabila menjuarai kategori basikal roda dua dan basikal roda tiga dalam Cabaran Berbasikal Solar Dunia (WSCC) di Adelaide, Australia, Ahad lepas.

Pasukan Uniten berjaya mengatasi pasukan antarabangsa lain dari Vietnam and Itali serta beberapa pasukan handalan tempatan seperti pasukan New South Wales, Victoria and Australia Selatan.

Cabaran dwi tahunan yang berlangsung selama seminggu itu meliputi jarak melebihi 1,500km.

Naib Canselor Uniten, Prof Dr Zainul Abidin Sharriff memberitahu sidang media di sini hari ini bahawa kemenangan itu adalah sebagai hadiah persaraan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dari sudut pandangan kami, kemenangan itu adalah pencapaian terbaik dan ia sebagai hadiah kepada Dr Mahathir sempena persaraannya," katanya.

Dr Zainul menjelaskan kenderaan pasukan Uniten 1 dan Uniten 2 yang menggunakan kuasa tenaga suria itu muncul juara kali ini selepas menjadi naib juara acara berbasikal dua roda pada 1999.

Beliau berkata rahsia kejayaan Uniten kali ini adalah kerana reka bentuk baru yang sekaligus memperbaiki tahap kelajuan dan ketahanan.

"Ia juga adalah kejayaan anggota pasukan yang mengikuti ujian semangat berpasukan, ketahanan diri serta keazaman mereka untuk mencapai kecemerlangan," katanya, sambil memuji semangat "Malaysia Boleh" yang ditunjukkan oleh 19 anggota pasukan Uniten.

Beliau berkata Uniten bercadang untuk menyertai kategori basikal roda empat pada WSCC akan datang.

-- BERNAMA

RIZ DC MOZ